

MODUL KATANA DALAM PERUBAHAN BENTUK KATA KERJA BAHASA JEPUN TINGKATAN 2, SMK SEKSYEN 9

KATANA MODULE FOR TEACHING JAPANESE VERB CONJUGATION FROM 「ます」 FORM TO
「て」 FORM FOR FORM 2 STUDENTS, SMK SEKSYEN 9

Nor Sahayu Binti Hamzah & Zakiah @ Dg Zakiah Binti Ak Zainal Abidin
SMK Seksyen 9, Shah Alam
norsahayu.hamzah@gmail.com

ABSTRAK

Bahasa Jepun merupakan antara bahasa antarabangsa yang ditawarkan di sekolah menengah terpilih di Malaysia, selaras dengan usaha memperkaya kecekapan pelajar dalam pelbagai bahasa dunia. Penguasaan bahasa ini dapat memberikan nilai tambah dari segi akademik dan kerjaya. Namun begitu, pengajaran bahasa Jepun turut berdepan dengan cabaran tersendiri, khususnya dalam aspek tatabahasa yang kompleks. Salah satu kesukaran utama yang dihadapi oleh murid tingkatan 2 adalah penukaran kata kerja daripada bentuk 「ます」 kepada bentuk 「て」 mengikut kumpulan kata kerja yang betul. Kesilapan dalam aspek ini boleh menjelaskan ketepatan pembinaan ayat dan kefahaman kepada keseluruhan ayat.

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan murid Tingkatan 2 dalam topik perubahan bentuk kata kerja. Seramai lima orang murid telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) yang melibatkan empat fasa utama iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian, dan refleksi. Sebagai intervensi, Modul Katana dibangunkan khusus bagi membantu pemahaman murid secara visual dan kinestetik. Modul ini digunakan selama dua minggu intervensi dalam tempoh kajian.

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam prestasi murid selepas pelaksanaan modul katana. Murid lebih yakin dan menunjukkan penguasaan yang lebih baik dalam menukar bentuk kata kerja dengan tepat. Hasil kajian ini membuktikan keberkesanannya Modul Katana sebagai bahan bantu belajar berupaya meningkatkan kemahiran murid.

Kata kunci : Kajian Tindakan, Bahasa Jepun, Kata Kerja, Perubahan Bentuk, Sekolah Menengah